

# **KEPERCAYAAN KHURAFAT**

## **TENTANG SAIDINA ALI DI KALANGAN**

## **MASYARAKAT MELAYU DI MALAYSIA**

Mohd Yusoff Senik  
Fakulti Usuluddin  
Akademi Islam Universiti Malaya

*This article exposes tales among the Malay society that involve Syaidina Ali bin Abi Talib as a super human being. For example, some Malays believe that Ali was very strong man, if he stamped his foot onto the earth, it will scream and tremble. The tale also tells, Ali's sword Zulfiqar, if thrown into the sea, the silent sea will turn into rolling waves.*

### **Pengenalan**

Islam adalah agama sempurna dan lengkap pengajarannya, meliputi setiap segi penghidupan manusia di dunia dan akhirat. Manusia tidak dibenarkan menokok tambah atau mengurangkan apa yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan al-Hadis, khususnya dalam hal-hal ibadat dan akidah kepercayaan. Penambahan dalam hal-hal ibadat yang dinamakan bid'ah atau dalam hal-hal akidah yang dinamakan khurafat bercanggah dengan ajaran Islam.

Walaupun Islam menentang khurafat, namun khurafat terus wujud di kalangan umat Islam walaupun kian berkurangan. Khurafat bukanlah sesuatu

yang baru dalam Islam, malah ianya wujud di zaman Rasulullah s.a.w. lagi dan berkembangbiak di kalangan umat Islam di mana saja.

Di Malaysia sendiri, terdapat berbagai kepercayaan khurafat di kalangan umat Islamnya, di antaranya kepercayaan yang melampaui batas kebenaran terhadap keistimewaan Saidina Ali dan keberkesanan ilmu amalan yang dikaitkan dengan beliau. Kepercayaan-kepercayaan ini masih tidak dapat dihapuskan sepenuhnya walaupun kegiatan dakwah Islamiah berjalan lancar dan pesat.

### Pengertian Khurafat

Perkataan khurafat berasal dari kalimah Arab "kharafa" (خرافه) yang bererti orang yang rosak akal kerana nyanyok (tua).<sup>1</sup> Pengertian ini sesuai dengan keterangan selanjutnya mengenai khurafat iaitu ajaran (huraian pendapat) yang bukan-bukan atau karut, dongeng, tahlul.<sup>2</sup> Dalam bahasa Inggeris, khurafat dikenali sebagai "superstition" yang bererti sesuatu kepercayaan karut atau dikatakan juga sebagai tahlul.<sup>3</sup>

Khurafat adalah sebahagian dari bidah yang diertikan sebagai penambahan kepada apa yang dibenarkan oleh syarak.

Penambahan dalam hal-hal ibadat disebut bid'ah, manakala dalam kepercayaan (akidah) dinamakan bidah akidah atau khurafat.<sup>4</sup>

Al-Sheikh Ali Mahfuz menjelaskan bidah akidah (khurafat) sebagai kepercayaan kepada sesuatu perkara yang menyalahi ajaran Rasulullah s.a.w.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Al-Marbawi, *Kamus Idris Marbawi* (Arab-Melayu), juzu 1, Pustaka Nasional, Singapura, t.t. hal. 169.

<sup>2</sup> Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, cetakan 1986, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hal. 57. Lihat juga, Al-Kattari, Abdul al-Haiyy b. Abd. Karim, *Nizam al-Hukumat al-Nubawiyyat*, juzu 11, Beirut, Muhammad Amin t.t. hal. 352, Haji Kamaludin Mat Zin, *Membasmi Khurafat*, Dakwah, Februari, 1988, hal. 35.

<sup>3</sup> Kamus Dwi-Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hal. 261.

<sup>4</sup> H. Djarnawi Hadi Kusuma, *Ahli Sunnah wal-Jama'ah*, Bid'ah Khurafat, cet. IV, Percetakan Persatuan Yogyakarta, t.t. hal. 21.

<sup>5</sup> Ali Mahfuz, *Al-Ibda' Fi Madhar al-Ibtida'*, Dar al-I'tisan, cet. 7, t.t. hal. 52.

Oleh itu kepercayaan orang-orang Arab Jahiliyyah di zaman Rasulullah s.a.w. kononnya bulan Safar banyak mendatangkan bala, untung nasib di hari muka dapat diketahui melalui cara menilik untung dan burung hantu membawa sial dianggap khurafat kerana bertentangan dengan hadis Rasulullah s.a.w.<sup>1</sup> yang bererti: "Tidak ada jangkitan penyakit, tidak ada menilik untung, tidak ada sial burung hantu, tidak ada bala bulan Safar ...". Kepercayaan kaum Musyabbi-hah dan kaum Mujassimah yang menyifatkan Allah menyerupai makhluk, juga dianggap khurafat.<sup>2</sup> Kerana menyalahi firman Allah s.w.t.<sup>3</sup> yang bermaksud: "Tidak ada sesuatu yang menyerupai Allah s.w.t.".

Secara ringkasnya dapatlah dikatakan bahawa perkara-perkara khurafat itu sememangnya banyak. Kerana apa sahaja kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam dinamakan khurafat.

### **Kepercayaan khurafat di Kalangan Masyarakat Melayu di Malaysia**

Kepercayaan animisma, dinamisma dan Hindu merupakan sebahagian dari sejarah kepercayaan orang-orang Melayu di Malaysia. Sesuai dengan kepercayaan-kepercayaan itu yang penuh dengan kekhrafatan, maka kepercayaan khurafat dalam masyarakat Melayu dapat dilihat di dalam berbagai bentuk dan rupa.

Kepercayaan animisma bererti kepercayaan kepada adanya jiwa dan roh yang dapat mempengaruhi alam manusia. Kepercayaan animisma ini biasanya menimbulkan pemujaan dan perhambaan diri kepada suatu kuasa yang berperibadi, kerana orang mempercayai bahawa ia boleh mendatangkan nasib baik atau buruk kepada manusia. Masyarakat primitif menganggap bahawa bukan sahaja manusia, malah benda-benda lain juga mempunyai jiwa dan roh.<sup>4</sup>

Nyawa dan roh yang dianggap berkuasa perlu dijaga dan dilayan dengan sebaik-baiknya supaya tidak mendatangkan kemudaratannya kepada manusia, tetapi

---

<sup>1</sup> *Al-Bukhari Bisharhi al-Karmani*, juzu 21, cet. 1981/1401, Dar Ihya al-Arabi, Beirut, hal. 156.

<sup>2</sup> Ali Mahfuz, *op.cit.*, hal. 54.

<sup>3</sup> *Al-Syura*, ayat 11.

<sup>4</sup> H.O.K. Rahmat S.H., *Pencemaran Akidah di Nusantara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983, hal. 19.

akan memberi kebaikan.<sup>1</sup>

Dinamisma pula bererti kepercayaan kepada adanya tenaga yang tak berperibadi dalam diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, benda-benda, kata-kata yang diucap atau dituliskan dan sebagainya. Keparcayaan ini biasanya menimbulkan penguasaan terhadap tenaga ghaib dengan perbuatan-perbuatan tertentu, sampai tenaga ghaib itu dapat dipergunakan untuk keuntungan sendiri atau untuk kerugian orang lain.<sup>2</sup>

Kepercayaan kepada semangat dapat dimasukkan ke dalam kategori dinamisma. Ia dianggap sebagai suatu kekuatan yang tidak mempunyai peribadi, tetapi kadang-kadang ia juga dimaksudkan sebagai nyawa,<sup>3</sup> yang termasuk di bawah kategori animisma.

Orang-orang Melayu mempercayai tiap-tiap benda mempunyai semangat, semangat mempunyai tempat tinggal, mempunyai jiwa dan berkebolehan seperti manusia, makan, minum dan sebagainya. Semangat boleh dihalau, dipanggil dan dimusnahkan oleh orang yang lebih kuat darinya (seperti pawang). Termasuk di bawah kepercayaan ini, kepercayaan kepada hantu, pelesit, polong dan sebagainya.<sup>4</sup>

Orang-orang Hindu datang ke Tanah Melayu sejak kurun Masihi yang pertama lagi,<sup>5</sup> namun kepercayaan animisma dan dinamisma terus hidup subur sesudah itu.

Agama Hindu sebenarnya tidak mempunyai ajaran yang boleh mendatangkan perubahan secara revolusi kepada kebudayaan dan kepercayaan masyarakat Melayu pada masa itu. Bahkan ia bercorak liberal menjadikan keper-

---

<sup>1</sup> Ismail Hamid, *Beberapa Ciri Kepercayaan Rakyat Melayu*, Jurnal Budaya Melayu, J.

3. Bangi: Jabatan persuratan Melayu UKM, hal. 13.

<sup>2</sup> H.O.K., Rahmat S.H., *op.cit.*, hal. 8.

<sup>3</sup> Ismail Hamid, *op.cit.*, hal. 134.

<sup>4</sup> Nik Sofiah Abd. Karim, *Kebudayaan Melayu*, Kota Bharu; Pustaka Dian Press, 1964, hal. 40.

<sup>5</sup> Anas Hj. Ahmad, *Sastera Melayu Lama dan Baru*, Sinaran Bross, 1968, hal. 78.

cayaan animisma dan dinamisma bertambah maju.<sup>1</sup>

Dengan kedatangan agama Hindu, kepercayaan manusia beransur meningkat dari kepercayaan kepada kuasa makhluk halus kepada kepercayaan kepada kuasa-kuasa di sebalik fenomena alam iaitu dewa-dewa seperti dalam kepercayaan bangsa Greek dan orang-orang Hindu.<sup>2</sup>

Dengan demikian kedatangan agama Hindu itu menambahkan lagi kepercayaan khurafat di kalangan masyarakat. Kepercayaan itu tidak pernah tercabar melainkan sesudah agama Islam yang menentang kepercayaan khurafat diterima oleh masyarakat.

Walau bagaimanapun, sebagai kepercayaan yang sudah sekian lama bertapak, kepercayaan khurafat yang berunsurkan kepercayaan animisma, dinamisma dan Hindu itu, bukanlah senang untuk dihapuskan.

Tambahan pula keadaan agama Islam yang datang itu, sebahagian ajarannya telah bercampur-aduk dengan ajaran-ajaran Hindu,<sup>3</sup> seperti yang dapat dilihat di dalam upacara perkahwinan. Akad nikah perlu ada wali, saksi dan seterusnya mengikut cara Islam, tetapi persandingan dan seumpamanya di jalankan mengikut adat kepercayaan Hindu.

### Cerita-cerita Dongeng Mengenai Saidina Ali

Satu lagi perkara khurafat yang pernah wujud di kalangan orang-orang Melayu ialah kepercayaan yang melampaui batas kebenaran terhadap keistimewaan Saidina Ali terutamanya dari segi kekuatan tenaga dan kekebalan diri seperti yang terdapat dalam berbagai cerita dongeng dari mulut ke mulut mengenai beliau.

Di dalam cerita-cerita itu Saidina Ali digambarkan mempunyai keistimewaan yang luar biasa. Tenaganya tersangat kuat sehingga bumi meraung kesaktian akibat dipijaknya. Mayatnya tidak dikuburkan di bumi, tetapi ghaib dengan tiba-tiba. Harimau yang ganas di hutan rimba anak Saidina Ali. Suara tempikannya, oleh kerana terlalu kuat, boleh membunuh musuh. Guruh, petir

---

<sup>1</sup>Ismail Hamid, *op.cit.*, hal. 142.

<sup>2</sup>*Ibid.*, hal. 133.

<sup>3</sup>H.O.K. Rahmat S.H., *op.cit.*, hal. 6.

dan halilintar adalah suara tempikannya. Pedang Zulfaqarnya, apabila dicampak ke laut, laut yang dulunya tenang, tiba-tiba bergelora. Berbagai lagi gambaran kehebatan dan keluarbiasaan Saidina Ali yang dapat dilihat dalam cerita-cerita berkenaan.<sup>1</sup>

Cerita-cerita dongeng itu dipercayai lahir hasil dari percampuran ajaran Islam dengan kepercayaan-kepercayaan lain sebelumnya iaitu animisma, dinamisma dan Hindu.

Saidina Ali adalah salah seorang dari golongan ahl al-Bait (keluarga Rasulullah s.a.w.) di mana mereka ini mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Islam berasaskan nas-nas al-Quran<sup>2</sup> dan hadis,<sup>3</sup>, sebagai pejuang Islam yang terkemuka, memeluk Islam di peringkat umur yang belum akil baligh, tidak pernah menyembah berhala dan sebagainya,<sup>4</sup> oleh itu beliau (Saidina Ali) dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat Islam seluruhnya samada Syiah, mahupun *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*.

Di dalam masyarakat Melayu, penghormatan dan sanjungan itu akan menjadi lebih tinggi apabila kepercayaan mengenai Saidina Ali itu dicampur adukkan dengan kepercayaan animisma, dinamisma dan Hindu yang sudah sedia wujud dalam masyarakat, yang di antara lain mempercayai makhluk-makhluk halus, semangat dan dewa-dewa, mempunyai kuasa yang luar biasa, boleh mendatangkan kebaikan atau kecelakaan kepada manusia.

Selain dari itu, terwujud dan tersebarnya cerita-cerita itu, juga banyak bergantung kepada keganjilan dan keluarbiasaannya. Sesuatu yang ganjil dan luar biasa memang diminati dan dicenderungi orang. Kecederongan seperti inilah yang banyak memberi kemungkinan kepada masuknya ajaran dan keper-

---

<sup>1</sup>Untuk keterangan lanjut, lihat: Mohd Yusoff Senik, *Saidina Ali Dalam Pemikiran Orang-orang Melayu Kelantan* (laporan penyelidikan), hal. 27-38.

<sup>2</sup>Lihat surah *al-Ahzab*, ayat 33.

<sup>3</sup>Di antara hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang menunjukkan dimeikian, hadis yang bermaksud: "Kasihilah akan Allah kerana segala nikmat yang dikurniakan kepada kamu, kasihilah aku kerana kasihan Allah, dan kasihilah keluargaku kerana kasihan aku".

<sup>4</sup>Seperti yang terdapat dalam buku-buku sejarah.

cayaan dongeng dan karut di tengah umat Islam.<sup>1</sup>

Bagi mereka yang menentang ajaran Syiah, menganggap kepercayaan yang melampaui batas kebenaran mengenai keistimewaan Saidina Ali itu sebagai sebahagian dari kesan-kesan Syiah di Malaysia.<sup>2</sup>

Mereka berpendapat bahawa agama Islam yang di bawa masuk ke Malaysia, pada peringkat permulaan, sebahagian ajarannya selain dari bercampur-aduk dengan ajaran Hindu, juga bercampur dengan ajaran Syiah.<sup>3</sup>

Sehubungan dengan itu apabila terdapat beberapa unsur persamaan di antara cerita-cerita itu dengan sebahagian ajaran atau kepercayaan pelampau Syiah,<sup>4</sup> khususnya dari segi keistimewaan luar biasa Saidina Ali, mereka mengatakan bahawa cerita-cerita itu berasal dari ciptaan Syiah. Tentang masih banyak perbezaan di antara kedua-duanya, ia adalah sesuatu yang seharusnya berlaku memandangkan cerita-cerita itu bersifat lisan. Lagipun begitu jauh di antara masa dan tempat bermula dan berkembangnya ajaran Syiah dengan masa dan tempat timbulnya cerita-cerita dongeng yang sedang diperkatakan.

Islam melarang umatnya hidup dalam khayalan, mempercayai dan mengamalkan perkara-perkara karut yang tidak mempunyai keterangan tentang kebenarannya dari Quran dan Hadith, atau yang bertentangan dengan akal fikiran yang waras. Ini sesuai dengan firman Allah yang bermaksud:

Maksudnya: "Dan janganlah engkau ikut apa yang engkau tidak tahu mengenainya. Sesungguhnya pandangan, pendengaran dan hati, masing-masingnya akan ditanya mengenainya" *al-Isra'*:36.

---

<sup>1</sup>H.O.K. Rahmat S.H. *op.cit.*, hal. 22.

<sup>2</sup>*Ibid.*, hal. 117.

<sup>3</sup>*Ibid.*, hal. 6.

<sup>4</sup>Sabaiyah, Banariah dan Mughiriah adalah di antara beberapa kumpulan pelampau yang mengaku mereka berpendirian bahawa Saidina Ali Tuhan. Oleh kerana pendirian mereka jelas bertentangan dengan akidah Islamiyyah, maka mereka tidak lagi dianggap Islam, malah kumpulan-kumpulan Syiah yang terkemuka sendiripun tidak mengiktiraf mereka sebagai kumpulan Syiah. lihat: Muhammad Abu Zuhrah, *Tarikh Madhabib Islamiyyah*, J. I, Beirut, Darul Fikri al-Arabi, t.t. hal. 41-44; Al-Syahrastari, *al Milal wa al-Nihal*, J. I, Beirut, Darul Ma`rifah, 1975, hal. 204.

Ayat ini menetapkan ilmu pengetahuan menjadi ukuran dalam menilai sesuatu. Sesuatu yang didengar, dilihat dan dirasa hati mestilah ditimbang dengan ilmu untuk menentu benar atau salah, baik atau buruk.

Sebarang berita, laporan, cerita atau apa sahaja yang didengar atau dibaca perlulah diselidiki, lebih-lebih lagi kiranya datang dari orang fasiq dan sering melakukan dosa dan maksiat. Ini sesuai dengan firman Allah yang bermaksud:

"Wahai orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah untuk menentukan kebenaran, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum (dengan perkara yang tidak diingini) dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang telah kamu lakukan". *al-Hujuraat: 6*

### Ilmu Amalan yang Dikaitkan dengan Saidina Ali

Keparcayaan tentang keberkesanannya ilmu amalan yang dilibatkan dengan Saidina Ali, merupakan satu lagi perkara khurafat dalam masyarakat Melayu. Pengamalannya dipercayai akan menjadi gagah, kebal, berani, digeruni musuh, tidak dimakan atau digangu binatang buas, boleh menghalau hantu syaitan dan sebagainya, sesuai dengan jenis-jenis ilmu yang diamalkan seperti ilmu gagah, ilmu keras lengan dan tulang kering, ilmu penggerun musuh, ilmu menghalau hantu syaitan, ilmu Saidina Ali, ilmu isim Zulfaqar, ilmu penggunaan senjata, ilmu silat Ta'pi,<sup>1</sup> dan Tariqat Mujahid Saidina Ali.

Kesemua ilmu itu,<sup>2</sup> kecuali Tariqat Mujahid Saidina Ali, nama Saidina Ali disebut di dalamnya dan diseru dalam pengamalan. Adapun Tariqat Mujahid Saidina Ali yang dikenali juga sebagai *Tariqat al-Mujahid fi Sabilillah*, adalah berupa himpunan bacaan-bacaan istighfar, tahmid, tasbih, zikir, selawat dan lain-lain, dihimpun dari berbagai wirid dan doa yang pernah dibaca dan

---

<sup>1</sup>Silat in dikatakan berasal usul dari Saidina Ali, kemudian dipelajari orang-orang lain darinya, dan seterusnya dari satu generasi ke satunya yang lain, hingga sampai kepada hulubalang Melaka, Hang Tuah berlima saudara, dan terus dipelajari orang-orang yang terkemudian hingga ke hari ini.

<sup>2</sup>Untuk keterangan lanjut mengenai ilmu-ilmu itu, lihat: Mohd. Yusoff b. Senik, *op.cit.*, hal. 43-51.

diamalkan oleh Saidina Ali di dalam pengibadatannya kepada Allah (s.w.t.).

Pengamalan terhadap ilmu-ilmu itu dan sebagainya tidak akan berlaku melainkan ada sebab-sebabnya yang tersendiri seperti mempercayai tentang keberkesanannya.

Kepercayaan seseorang tentang keberkesanan sesuatu ilmu itu, biasanya terjadi melalui cerita-cerita orang lain tentang keberkesanannya samada apa yang diceritakan itu dari pengalamannya sendiri atau dia juga mendengar dari orang lain.

Kepercayaan tentang keberkesanan ilmu menghalau hantu syaitan masih dapat dirasa hingga ke hari ini. Penggunaan ilmu-ilmu seperti itu di dalam mengubati orang-orang yang sakit, khususnya sakit yang dikatakan berpunca dari angkara hantu syaitan, masih mendapat tempat di kalangan sesetengah orang Melayu hingga sekarang.

### **Apakah Benar Ilmu-ilmu Ini Mendatangkan Kebaikan?**

Mempercayai yang demikian itu adalah sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Islam dengan tegas menganjurkan umatnya supaya menyakini tiada kuasa lain di luar kuasa Allah, sebagaimana yang digambarkan berulang kali di dalam al-Quran seperti firman Allah yang bermaksud:

"Tiada kuasa melainkan pada Allah" - *al-Kahf: 39*.

Allah juga berfirman yang ertinya:

"Jika Allah menimpaikan sesuatu kemudaran kepada engkau, maka tidak ada sesiapapun yang dapat menghilangkannya kecuali Dia; dan jika Ia menghendaki engkau mendapat sesutu kebaikan, maka tiada sesiapapun yang akan dapat menghalang limpah kurnia-Nya" - *Yunus:107*.

Mempercayai adanya kuasa lain di luar kuasa Allah termasuk di dalam syirik atau penyengutan Allah yang dilarang oleh al-Quran. Firman Allah yang ertinya:

"Hendaklah jangan engkau sekutukan Aku dengan Sesuatu" - *al-Hajj:26*.

Menyekutukan Allah suatu dosa besar yang tidak akan mendapat kampunan-Nya. Firman Allah yang ertinya:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampun dosa syirik memperseketukan-Nya (dengan sesuatu apa ju), dan akan mengam-

punkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendak-Nya); dan sesiapa yang mempersekuat Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar" - *al-Nisa'*:48.

Selain daripada kepercayaan yang jelas syirik itu, terdapat pula sebahagian orang yang menganggap bahawa ilmu amalan yang mereka amalkan itu hanya sebagai suatu cara perantaraan di dalam memohonkan sesuatu dari Allah. Mereka tetap menyakini bahawa Allah sahajalah yang berkuasa di dalam menentukan sesuatu. Beberapa ilmu itu sendiri seperti ilmu penggerun musuh dan ilmu menghalau hantu syaitan, meggambarkan anggapan mereka itu apabila di akhir ilmu-ilmu itu terdapat rangkaian kata 'dengan berkat kata la ilaha illallah'. Di akhir ilmu isim Zulfaqar pula terdapat ayat yang bererti "pertolongan dari Allah".

Cara yang mereka lakukan itu tawassul<sup>1</sup> namanya. Tawassul tidaklah salah kalau ianya terdiri dari ayat-ayat Quran dan beberapa perkara lagi yang diharuskan. Hajat yang dipohonkan kepada Allah melalui tawassul ini hendaklah juga dari perkara-perkara yang diharuskan.

Berdasarkan ini pengamalan Tariqah Mujahid Saidina Ali yang terdiri dari bacaan ayat-ayat al-Quran, wirid, doa, selawat dan sebagainya yang dibenarkan, tidaklah salah kalau dilakukan secara ikhlas sebagai suatu cara peribadatan kepada Allah, malah ianya digalakkan oleh Islam. Lain halnya kalau diamalkan dengan tujuan untuk mencapai kekebalan diri misalnya. Amalan yang seperti ini tentulah mengandungi unsur-unsur ketidakikhlasan kepada Allah, maka kerana itu ianya menyimpang dari landasan Islam yang sebenar.

Seseorang yang melakukan amalan baik pada zahirnya, tidak semestinya diberi ganjaran pahala oleh Allah. Niat memainkan peranan di dalam menentukan amalan itu dikira baik atau tidak. Sabda Rasulullah (s.a.w.) yang maksudnya:

"Hanya segala amalan itu dengan berniat; dan hanya bagi setiap manusia itu apa yang diniatkannya".<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Tawassul ertinya menjadikan sesuatu sebagai perantaraan di dalam berdoa kepada Allah s.w.t.

<sup>2</sup>Muhammad Fuad al-Baki, *Sahih Muslim*, J. 3, Beirut, Dar al-Fikri, hal. 1515-1516.

Selain daripada ketidakikhlasan itu boleh mengurangkan pahala ibadat itu yang pada asalnya digalakkan oleh Islam, ditakuti pula boleh membatalkan langsung pahalanya; atau lebih dari itu ditakuti dimurkai Allah.

Kalaular bertawassul dengan ayat-ayat al-Quran, wirid, doa dan sebaginya yang terdapat di dalam Tariqah Mujahid Saidina Ali itu boleh membawa kesalahan, apa lagi kalau bertawassul dengan perkara-perkara yang pada asalnya lagi tidak diharuskan, atau dengan ilmu amalan yang jelas menampakkan orang bergantung harap kepadanya samada ianya melibatkan Saidina Ali ataupun tidak.

Semoga perkara-perkara luar biasa yang terjadi kepada sebahagian orang Melayu yang mempelajari ilmu-ilmu kuat dan kebal, tidak akan terjumblah ke dalam perkara-perkara sihir yang tidak semestinya memanggil nama jin.

Di dalam sihir juga sering berlaku penggunaan nama Allah dan bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Ramai ahli kebatinan di Asia ini yang tidak Islam pun seperti bomoh-bomoh Siam, ketika mengamalkan kebatinan mereka menyebut nama Allah.<sup>1</sup>

## Penutup

Berdasarkan apa yang telah dibincangkan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kepercayaan khurafat dalam masyarakat Melayu begitu banyak disuatu ketika dulu sesuai dengan kepercayaan animisma dan dinamisma yang merupakan kepercayaan asal mereka dan pengaruh Hindu yagn datang kemudiannya.

Kepercayaan terhadap cerita-cerita dongeng mengenai keistimewaan luar biasa Saidina Ali dan keberkesanannya ilmu amalan yang dikaitkan dengan beliau, merupakan sebahagian dari kepercayaan khurafat masyarakat Melayu di Malaysia. Berlakunya kepercayaan-kepercayaan ini di antara lain berpunca dari pertembungan antara ajaran Islam dengan ajaran dan kepercayaan sebelumnya.

Mempercayai cerita-cerita dongeng atau mengamalkan ilmu amalan yang dilibatkan dengan Saidina Ali samalah dengan melakukan khurafat-khurafat lain, merupakan suatu kesalahan, malah boleh membawa kepada syirik besar yang tidak diampuni Allah dosa orang yang melakukannya. Oleh itu menjadi tanggungjawab setiap pihak atau individu yang merasakan diri masing-masing

---

<sup>1</sup>Haji Dusuki Hj. Ahmad, *Nabi Tidak Pernah Guna Ibnu Kebal*, Kuala Lumpur, Mac, 1978, hal. 30.

- berkewajiban untuk berdakwah, meneruskan kegiatan berdakwah mereka ke arah menghapuskan kesalahan itu di samping kesalahan-kesalahan yang lain.